

# Ahli Persatuan Sains gembira kunjungi UMSKAL

JB 2.7.2019 AG

LABUAN: Ahli Persatuan Sains dan Matematik Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Lawatan itu yang disertai oleh 36 murid dan tiga guru diketuai Pengurus Persatuan Nurshuhada Balqis Amir dan Timbalan Pengurus Haizul Ehsan Dzulham.

Tujuan lawatan sambil belajar ke UMSKAL itu adalah untuk pendedahan murid mengenai suasana persekitaran dan pembelajaran di menara gading, mengetahui fakulti yang ditawarkan berkaitan Sains dan Matematik, dan meninjau persekitaran UMSKAL serta untuk menambah pengetahuan dan pengalaman murid.

Ketibaan ahli persatuan itu di UMSKAL disambut oleh Mohizam Mohamad dan



## AHLI Persatuan Sains gembira dapat berkunjung ke UMSKAL.

Rafidah Arshad dari Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM).

Kemudian, ahli rombongan dibawa ke Dewan Kuliah Podium A Bangunan Podium UMSKAL untuk taklimat ringkas mengenai UMS yang disampaikan oleh Mohizam.

Antara maklumat yang diberikan ialah UMSKAL adalah kampus cawangan yang pertama UMS Sabah yang bermula tahun 1999.

UMSKAL pada masa ini mempunyai 267 kakitangan termasuk 105 pensyarah akademik.

Pada masa ini, UMSKAL mempunyai 1,994 pelajar dan sehingga kini seramai 9,940 graduan telah berjaya menghabiskan kursus dengan jayanya.

Program yang ditawarkan di Kampus Antarabangsa Labuan hanya dua fakulti iaitu Fakulti Kewangan

Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Antara kemudahan yang ada di UMSKAL ialah Dewan Kuliah Pusat, perpustakaan, klinik, Taska, Dewan Utama untuk majlis, makmal komputer, studio tari dan muzik, gelanggang bola tampar, bola sepak pantai, kayak, gelanggang sepak takraw dan canoe.

Selain itu, bahasa asing juga diajar di situ seperti Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis.

Selepas itu, murid-murid dibawa melawat ke makmal komputer antaranya Makmal Komputer Grafik dan Makmal Komputer Games di Tingkat 9 dan lokasi melihat anak bulan di tingkat 13.

Nurshuhada mengucapkan terima kasih kepada UMSKAL kerana telah sudi menerima lawatan persatuan itu dan berdoa semoga mereka berjaya ke universiti.